

MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN KURSUS TEKNIK MENGAJAR UNTUK GURU KEMAS, PEMAJU MASYARAKAT, PENDIDIKAN LITERASI FUNGSIAN (PLF) SIRI 1/96

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada jawatankuasa penganjur kerana memberi kesempatan kepada saya untuk menyampaikan ucapan alu-aluan di Majlis Perasmian Penutupan Kursus Teknik Mengajar Untuk Guru Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Pemaju Masyarakat, Pendidikan Literasi Fungsian (PLF) Siri 1/96. Para hadirin sedia maklum, kursus ini telah berlangsung selama sepuluh hari dengan tenaga fasilitator disediakan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Penglibatan UMS

Pihak UMS berasa bangga kerana diberi kepercayaan mengendalikan kursus ini. Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang mempunyai sumber-sumber lengkap, sememangnya telah menjadi tanggungjawab UMS untuk menyumbang sebarang bantuan dalam usaha meningkatkan kemahiran tenaga pengajar. Perkara ini sejajar dengan usaha kerajaan untuk meningkatkan tahap literasi penduduk negara ini, terutama sekali di luar bandar, di mana tahap literasi adalah rendah.

Justeru itu, kepada peserta-peserta kursus yang telah mengikuti Kursus Teknik Mengajar selama 10 hari ini, saya yakin anda akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan lebih cekap.

Sebelum saya mengundur diri, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada KEMAS di atas kepercayaan mereka terhadap UMS untuk mengendalikan kursus ini. Kepada para peserta kursus, syabas diucapkan dan selamat menjalankan tugas serta tanggungjawab. Semoga ilmu yang telah dipelajari sepanjang kursus ini akan dapat memberi manfaat kepada masyarakat.

Ucapan di Majlis Perasmian Penutupan Kursus Teknik Mengajar untuk Guru KEMAS, Pemaju Masyarakat, Pendidikan Literasi fungsian (PLF) Siri 1/96 di Sabah Medical Centre (SMC), Kota Kinabalu pada 10 Oktober 1996.